

# Pendirian terhadap Pakistan kekal

BH 24 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Khamis —Perdana Menteri Pakistan yang baru, Jeneral Pervez Musharraf akan melakukan lawatan kerja ke negara ini mulai Isnin ini, walaupun kerajaan baru Pakistan itu belum diiktiraf oleh Malaysia.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pemimpin junta tentera itu berhasrat untuk menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan singkatnya ke negara ini.

"Malaysia berpandangan bahawa sebuah kerajaan yang dipilih secara demokratik, tidak boleh digantikan atau digulingkan secara kekerasan.

"Jadi memandangkan pe-

mimpin Pakistan itu mahu melawat Malaysia, saya rasa ini adalah peluang baik bagi kita berbincang mengenai kedudukan negara berkenaan, serta langkah memulihkan Pakistan seperti sebelumnya," katanya pada sidang akhbar di Wisma Putra, petang ini.

Pada Oktober lalu, Mussharraf menggulingkan Perdana Menteri Pakistan ketika itu, Nawaz Sharif sebagai langkah 'menyelamatkan negara berkenaan daripada menghadapi kehancuran'.

Sehingga kini, Malaysia dan negara Komanwel lain belum mengiktiraf kepimpinan baru Pakistan itu. Rombongan Musharraf dijadual melawat negara ini selama

tiga hari.

Syed Hamid berkata, Malaysia turut menganggotai Kumpulan Bertindak Komanwel Peringkat Menteri, yang akan mencadangkan kepada Ketua-ketua Negara Komanwel sama ada Pakistan seharusnya diterima semula dalam pertubuhan berkenaan.

Ditanya sama ada lawatan itu menandakan Malaysia mengiktiraf kedudukan Musharraf, beliau berkata pendirian negara berhubung kedudukan Pakistan tidak berubah.

"Bagaimanapun, apa yang penting ialah bagi kita mendapatkan maklumat tentang diri pemimpin Pakistan itu sendiri mengenai kedudukan negaranya," katanya.

Mengenai kemungkinan isu senjata nuklear dibincangkan, Syed Hamid berkata dalam perbincangan dua hala, sudah tentunya semua aspek termasuk keselamatan menjadi tumpuan utama.

Pada sidang akhbar yang sama, beliau turut mengemukakan sumbangan kemanusiaan berjumlah AS\$500,000 (RM1.9 juta) kepada rakyat Mozambique yang terjejas akibat bencana puting beliung dan banjir terburuk dalam sejarahnya, baru-baru ini.

"Sumbangan berkenaan disampaikan kepada kerajaan Mozambique hari ini oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Afrika Selatan, Datuk Zainal Azman Zainal Abidin," katanya.

Kerajaan turut meminta rakyat memberikan sumbangan kemanusiaan dan derma kewangan kepada rakyat Mozambique.

Mereka yang berminat boleh menghubungi Datuk Ahmad Mokhtar Selat di 03-248 3885 atau John Samuel di 03-247 44 19.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid berkata, Malaysia mahu sekatan ekonomi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) terhadap Iraq ditarik balik atas faktor kemanusiaan.

Beliau berkata, berdasarkan perangkaan yang disediakan oleh Tabung Kanak-kanak PBB (Unicef), lebih sejuta kanak-kanak mati di Iraq sejak sekatan itu bermula.